

PERBARISAN BULANAN KETUA CAWANG MATERIEL PU SUBANG



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2214-perbarisan-bulanan-ketua-cawang-materiel-pu-subang-2

SUBANG, 8 Ogos 17 - Perbarisan Bulanan Ketua Cawang Materiel, Lt Kol Gopalan A/L Manickam TUDM bagi bulan Ogos 2017 telah diadakan di Cawang Materiel, PU Subang. Perbarisan ini telah dihadiri oleh semua pegawai, anggota LLP dan staf awam yang bertugas di Cawang Materiel.

Dalam ucapan KCM, beliau telah mengingatkan warga Materiel PU Subang agar dapat meningkatkan lagi perlaksanaan tugas dengan lebih komited bagi melancarkan segala aktiviti yang akan dijalankan sepanjang tahun ini. Warga Materiel juga diminta agar bekerja sebagai satu pasukan bagi mencapai satu matlamat yang sama. Selain itu, semua anggota diminta agar menitikberatkan disiplin, ketepatan masa dan kebersihan di persekitaran kawasan bekerja. Anggota-anggota baru juga hendaklah mempelajari daripada staf yang telah lama berkhidmat. Budaya suka bertanya hendaklah diamalkan pada setiap masa.

